

## SUMBANGAN DR. KAMILIN JAMILIN DALAM PENYEBARAN DAKWAH MELALUI MEDIA SOSIAL

### CONTRIBUTION OF DR. KAMILIN JAMILIN IN SPREADING DAKWAH THROUGH SOCIAL MEDIA

Muhammad Najmi Azeem Mohd Muhaslly<sup>1</sup>  
Muhamad Fariz Muhamad Azahar<sup>2</sup>  
Wan Mohamad Nur Shafiq Wan Dali<sup>3</sup>  
Syed Najihuddin Syed Hassan<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, (E-mel: najmiazeem@raudah.usim.edu.my)

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, (E-mel: fariz.masa27@gmail.com)

<sup>3</sup> Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, (E-mel: shafiqmiddleeast@gmail.com)

<sup>4</sup> Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, (E-mel: syednajihuddin@usim.edu.my)

#### Article history

**Received date** : 7-8-2023  
**Revised date** : 8-8-2023  
**Accepted date** : 25-9-2023  
**Published date** : 15-10-2023

#### To cite this document:

Mohd Muhaslly, M. N., Muhamad Azahar, M. F., Wan Dali, W. M. N. S., & Syed Hassan, S N. (2023). Sumbangan Dr. Kamilin Jamilin Dalam Penyebaran Dakwah Melalui Media Sosial. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 6 (11), 202 - 213.

**Abstrak:** Media sosial adalah sejenis media yang digunakan terus secara atas talian dengan menggunakan aplikasi seperti Facebook, Twitter, Youtube dan sebagainya. Media sosial juga merangkumi blog, forum dan rangkaian sosial. Manakala, dakwah pula didefinisikan sebagai satu interaksi penyampai dan penerima melalui pelbagai cara yang bertujuan untuk menyeru masyarakat mahupun individu itu sendiri untuk beriman dan taat kepada Allah dan Rasul-Nya bersesuaian dengan garis akidah, syariat dan akhlak Islam. Berdakwah dengan menggunakan media sosial merupakan inisiatif yang amat berkesan dan memberi implikasi positif. Implikasi melalui penggunaan media sosial ini dapat dilihat melalui sudut masyarakat dan individu itu sendiri. Antara individu yang sering terlibat dalam penyebaran dakwah melalui media sosial ialah Dr. Kamilin Jamilin yang mana beliau sangatlah dikenali dalam bidang al-quran lebih-lebih lagi dalam bidang yang berkaitan dengan Hadith. Kajian ini bertujuan untuk mengemukakan sumbangan serta metode yang digunapakai oleh Dr. Kamilin Jamilin dalam menyampaikan dakwah dalam bidang berkaitan hadith terutamanya melalui media sosial. Kaedah kajian yang digunapakai dalam kajian ini ialah dengan menganalisis maklumat-maklumat serta bahan-bahan yang terdapat dalam aplikasi media sosial yang biasa digunapakai oleh pendakwah Dr. Kamilin Jamilin seperti Facebook, Youtube serta Tiktok yang terbaharunya. Hasil kajian ini mendapati bahawa penyampaian dakwah melalui media sosial amatlah efisien dengan generasi masa kini dan ianya juga mencapai objektif sumbangan yang telah disumbangkan oleh pendakwah Dr. Kamilin Jamilin berkaitan bidang hadith melalui media sosial. Kesimpulannya, media sosial merupakan satu medium yang amatlah berkesan

*dalam penyampaian dakwah untuk generasi masa kini yang lebih cenderung kepada persekitaran teknologi moden*

**Kata Kunci:** *Sumbangan, Dr. Kamilin Jamilin, Hadith, Media Sosial*

**Abstract:** *Social media is a type of media that is used directly online by using applications such as Facebook, Twitter, Youtube and so on. Social media also includes blogs, forums and social networks. Meanwhile, da'wah is defined as an interaction between the presenter and the recipient through various means that aim to call on the community as well as the individual themselves to believe and obey Allah and His Messenger in accordance with Islamic beliefs, Sharia and morals. Preaching by using social media is a very effective initiative and gives positive implications. The implications through the use of social media can be seen from the perspective of society and the individual himself. Among the individuals who are often involved in spreading preaching through social media is Dr. Kamilin Jamilin which he is very well known in the field of al-quran especially in the field related to Hadith. This study aims to present the contributions and methods used by Dr. Kamilin Jamilin in delivering da'wah in hadith related fields especially through social media. The research method used in this study is to analyze the information and materials found in social media applications commonly used by preachers Dr. Kamilin Jamilin like Facebook, Youtube and the latest Tiktok. The results of this study found that the delivery of preaching through social media is very efficient with the current generation and it also achieves the objective of the contribution that has been made by the preacher Dr. Kamilin Jamilin related to the field of hadith through social media. In conclusion, social media is a medium that is very effective in delivering da'wah for today's generation that is more inclined to the modern technological environment.*

**Keywords:** *Contribution, Dr. Kamilin Jamilin, Hadith, Social Media*

---

## **Pendahuluan**

Di era dunia tanpa sempadan ini, dapat kita sedari bahawa kehidupan seharian manusia pada masa kini beralih ke arah sistem pendigitalan samada melibatkan bidang sosial, kesihatan, pendidikan termasuk bidang keagamaan. Ledakan teknologi komunikasi memainkan peranan yang penting sebagai medium perkembangan ilmu. Seiringnya perkembangan teknologi komunikasi yang semakin pesat membangun ini, nescaya pelbagai ilmu dan isu-isu dapat dilihat dan dibaca melalui paparan yang ditulis dan dimuat naik oleh pemilik-pemilik akaun media sosial. Rasulullah SAW telah menyebarkan dakwah dengan komunikasi berkesan dengan menggunakan pelbagai medium dakwah. Namun sesuai dengan peredaran zaman masa kini, Noor Shakirah (2006) menjelaskan bahawa media menjadi nadi kepada maklumat, kejayaan sesuatu usaha dalam masyarakat bergantung kepada usaha sejauh mana mereka menguasai medium pada zamannya.

Antara salah satu contoh tokoh yang sering bergiat aktif dalam menyampaikan dakwah melalui media sosial yang dapat kita lihat pada hari ini ialah Dr. Kamilin Jamilin. Beliau sangat dikenali dalam pengajian Al-Quran lebih-lebih lagi bidang berkaitan Hadis. Antara medium yang sering digunapakai oleh beliau dalam menyebarkan dakwah serta penulisan beliau adalah Facebook, Youtube, Twitter dan yang terbaru ini ialah aplikasi Tiktok. Hasil daripada kerja keras beliau dalam menyampaikan dakwah melalui media sosial dapat menarik minat audiens untuk mendalami ilmu agama lebih-lebih lagi golongan muda.

Secara kesimpulannya, kajian ini akan meneliti sumbangan Dr. Kamilin Jamilin dalam penyebaran dakwah melalui media sosial.

### **Metodologi Kajian**

Penyelidikan atau kajian yang dijalankan adalah sebagai satu kegiatan pengumpulan, pengolahan dan analisis maklumat yang diperolehi secara sistematik dan terperinci untuk memecahkan persoalan yang terungkap. Kaedah kualitatif atau kaedah kajian rujukan perpustakaan telah digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan maklumat bahan kajian. Pengkaji telah merujuk buku-buku ilmiah, artikel, jurnal ilmiah, akhbar dalam talian serta menggunakan kemudahan internet untuk membantu mencari bahan rujukan tambahan. Rujukan dari bahan sekunder ini telah dianalisis bagi menjawab segala persoalan dalam kajian yang dijalankan.

### **Tinjauan Literatur**

Tidak banyak buku yang membicarakan tentang tokoh dan penggunaan media sosial dalam penyebaran dakwah, menurut kajian penulis. Di samping itu, terdapat karya tersendiri yang membicarakan kedua-dua iaitu tentang tokoh dan media sosial menjadi medium penyebaran dakwah. Tulisan tersebut antara lain:

Kamarudin et al. (2019) menulis artikel bertajuk Media Sosial dan Dakwah Menurut Islam dan menyatakan bahawa media sosial tidak dapat dipisahkan dengan pengguna internet dengan kewujudan Facebook, Twitter, Instagram dan lain-lain aplikasi baharu. Disamping itu, penulis juga menyatakan dalam menyebarkan maklumat, perlulah dijaga adab menyampaikan sesuatu maklumat khususnya memastikan maklumat benar, fakta tepat, menjaga akhlak dalam penulisan, menasihati secara berhemah dan menjaga perasaan orang Islam dan juga bukan Islam.

Majid et al. (2022) dalam artikel bertajuk Dakwah Melalui Penggunaan Media Sosial: Peluang Atau Cabaran?. Media sosial merupakan antara medium atau platform yang sering digunakan oleh masyarakat pada masa kini. Penggunaan media sosial dapat dilihat sebagai satu wadah penting untuk berdakwah dalam kalangan rakyat Malaysia terutamanya generasi muda. Di samping itu, artikel ini ditulis untuk mengetahui keberkesanan penggunaan media sosial sebagai medium dakwah ini merupakan peluang atau cabaran rentetan dengan peredaran zaman kini.

Rosidi et al. (2021) dalam artikel mereka menyatakan bahawa antara tokoh yang dipilih menjadi ahli ialah Sahibul Fadhilah Dr. Kamilin Jamilin @ Ahmad Kamil Bin Jamilin. Di samping itu, artikel ini juga menunjukkan 3 kriteria utama pemilihan mufti dan ahli-ahli untuk memperkasakan Profesionalisme Jawatan Mufti iaitu berpendidikan tinggi, berkelulusan syariah dan berlatar belakang sebagai ahli akademik.

Zulkipli et al. (2021) menjelaskan kebimbangan terhadap beberapa isu dan cabaran berkaitan penggunaan hadis digital dengan beberapa faktor kelemahan yang melibatkan serangan jenayah siber, keterbatasan kemampuan manusia untuk memindahkan teks hadis ke dalam visual digital, penyebaran hadis palsu, penyelewengan kefahaman hadis dan sebagainya. Melalui tulisan ini, penulis artikel tersebut memberi kesedaran dan peringatan apabila menerima dan berinteraksi dengan perkara berkaitan hadis pada era revolusi industri 4.0. Di samping itu, disertakan sekali idea dan solusi dalam menangani isu-isu hadis digital dengan mengambil langkah berhati-hati daripada mempromosikan hadis yang tidak berautoriti.

Seterusnya, melalui artikel yang bertajuk Dakwah Media Sosial Berdasarkan Al-Quran Dan Al-Sunnah yang dihasilkan oleh Rosni binti Wazir dan Amani binti Zubir menghuraikan tentang manfaat penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam dakwah yang mampu memberi kesan kepada manusia. Namun ia kerisauan kepada penulis artikel ini kerana melalui teknologi kini juga mudah untuk berlaku penyelewengan dan kepalsuan dalam menyebarkan agama seperti penyebaran hadis palsu. Oleh itu, penulis tersebut menyatakan solusi dan cadangan melalui sudut pandang al-Quran dan Sunnah supaya menjadi panduan kepada para da'i dalam mendepani konflik dalam menyampaikan dakwah.

### **Riwayat Hidup Dan Pendidikannya**

Dr. Kamilin Jamilin merupakan seorang figura yang dikenali di Malaysia dalam menyebarkan dakwah dan beliau sangat berpengetahuan dalam bidang hadith. Perkara yang menginspirasi rakyat Malaysia terutamanya ahli akademik dan pelajar adalah beliau memegang PhD tanpa sebarang pembedaan dan dianugerahkan sebagai graduan terbaik Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Beliau merupakan anak kedua dari empat adik beradik dan dilahirkan di Kuala Lumpur. Beliau memulakan pengajian awal di Sekolah Rendah Islam Al-Amin Taman Keramat dari darjah satu sehingga darjah tiga. Kemudian di usia 9 tahun beliau dihantar ke Pusat Tahfiz Al-Imam International Institute, Kubang Kerian Kelantan. Namun pada usia 10 tahun pula beliau ditukarkan ke Pusat Tahfiz Janda Baik, Pahang hampir setengah tahun sebelum kembali semula ke Al-Imam Kelantan.

Pada usia 11 tahun beliau berpindah lagi ke Sekolah Ad-Din Malim Nawar Perak selama sekitar setahun sebelum kembali ke sekolah yang sama Al-Imam Kelantan pada usia 12 tahun seterusnya pada usia 15 tahun beliau berpindah kembali ke sekolah berhampiran rumah iaitu Sekolah Menengah Islam Al-Amin Gombak, Selangor untuk mengambil SPM pada usia 16 tahun. Selama 6 tahun boleh dikatakan beliau seakan tidak belajar apa-apa baik di tahfiz mahupun pengajian biasa. Beliau tiada UPSR jua PMR. Beliau juga sering tidak hadir peperiksaan sekolah dan pernah mendapat markah 0 kerana sikapnya ketika itu. Namun ketika beliau di tingkatan 5, berkat doa ibu dan ayah, kesedaran tiba-tiba datang membuatnya fokus menumpukan perhatian untuk kembali belajar apa yang beliau tertinggal sejak tingkatan 1. Alhamdulillah dalam masa 2 bulan beliau berjaya menjadi pelajar terbaik percubaan SPM dan seterusnya SPM.





Kemudian, dalam mengejar impian untuk menjadi seorang arkitek beliau mengikuti program persijilan UIA-Darul Quran JAKIM selama setahun setengah sejeurus tamat SPM, seterusnya diterima ke program Seni Bina UIA. Dipendekkan cerita, pada tahun 2003 beliau mendapat pendidikan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang hadis daripada Universiti Islam Madinah (UIM) dengan kepujian kelas pertama pada tahun 2008. Seterusnya beliau memperoleh Ijazah Sarjana dalam bidang hadis dan tafsir di Universiti King Saud, Riyadh Arab Saudi pada tahun 2013 dengan kepujian kelas pertama. Tesis sarjananya yang setebal 1800 halaman bertajuk "Mawarid Al-Hafizh Mughlatay fi ikmal Tahdzib Al-Kamal".hadis dan kemudian pada tahun 2010 beliau melanjutkan pengajian Sarjana Hadis di Universiti King Saud Riyadh dan nekad untuk tidak lagi menoleh ke belakang sehingga tamat PhD di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau memperolehi Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang hadis (Al-Jarh wa Al-Ta'dil) di USIM dengan keputusan cemerlang kelas pertama. Tesisnya yang setebal 1500 halaman bertajuk "Madlul Mustalah Laysa Bilqawiy wa Laysa Biqawiy 'Inda Abi Hatim Al-Razyi Muaqaranah ma'a Al-Aimmah Al-Mutaqaddimin : Dirasah Tatbiqiyah "

Beliau menjadi keluarga USIM sejak tahun 2008 iaitu setelah pulang dari Madinah menamatkan pengajian sarjana muda. Dua tempat yang beliau mencuba untuk mendapat pekerjaan ketika itu adalah USIM dan Bank Negara Malaysia. Beliau berjaya mendapat kedua-dua tawaran tersebut tetapi ianya membuatnya dalam dilema dan tersepit. Beliau cintakan bidang hadis, dan pada masa sama beliau juga agak minat dengan bidang kewangan Islam, barangkali kerana memiliki abangnya yang ternama bertugas dalam bidang tersebut khususnya di Al-Rajhi Bank.

Faktor dilema kedua ialah kerana gaji yang ditawarkan Bank Negara hampir tiga kali ganda gaji tutor yang ditawarkan USIM ketika itu, yang membuatnya berfikir panjang dan sangat pening kerana ia melibatkan masa depan dan kerjaya. Pada ketika itu beliau sukar tidur dan tidak tenang sepanjang hari memikirkan pilihan tersebut. Akhirnya, beliau tekad memilih USIM kerana mengejar cintanya dalam bidang hadis.

### **Karya-Karyanya**

Beliau telah menghasilkan beberapa tulisan ilmiah yang sangat bermanfaat kepada masyarakat. Berikut merupakan hasil tulisan beliau:



### **Yayasan Pendidikan (Akademi Al-Khayr)**

Akademi Al Khayr adalah pusat yang dikhaskan untuk menghafaz Al-Quran dan mempelajari asas Islam yang sahih yang ditubuhkan pada tahun 2019. Di bawah pengawasan Sheikh Hussein Yee dan penasihat akademik Dr. Kamilin Jamilin, akademi ini mempunyai program untuk pelajar berusia 9-14 tahun dan golongan awam dewasa. Dengan menyelaraskan kemudahan

moden dan selesa dengan persekitaran yang sesuai dengan Al-Quran dan Sunnah, Akademi Al Khayr berusaha untuk melahirkan pelajar yang dapat menerapkan pengetahuan Islam yang sah di dunia moden.

Konsep pendidikan tahfiz Al Khayr direka khas oleh Dr Kamilin Jamilin yang menggunakan pendekatan menyeronokkan dan menarik agar pelajar lebih dekat dengan al-Quran dan kefahaman terhadap al-Quran selari dengan sunnah Nabi Muhammad SAW. Kaedah ini menekankan kualiti daripada kuantiti. Selain itu, Akademi Al Khayr juga berhasrat agar pelajar dapat menguasai komunikasi dalam Bahasa Arab dengan adanya tenaga pengajar keluaran STIBA (Sekolah Tinggi Ilmu Bahasa Arab) Arraayah Sukabumi Indonesia.

Akademi Al Khayr juga mempunyai kerjasama bersama Pertubuhan Al-Khaadem (PAK) dalam menerajui Kecemerlangan Akademi Al Khayr.



### **Keterlibatan Dalam Organisasi**

Dr. Kamilin Jamilin merupakan Ahli Majlis Fatwa Wilayah Persekutuan dan Perlis termuda. Beliau menyandang jawatan Exco Penerbitan Negeri Perlis dan kini merupakan Pengerusi Akademi Al Khayr. Beliau aktif dalam bidang penulisan berkaitan ilmu hadis dan telah menerbitkan banyak kertas kerja. Beliau juga merupakan penasihat dalam sebuah pertubuhan bernama Glokal Ihsan.

### **Profesionalisme Dr Kamilin Jamilin Sebagai Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis**


Pengkaji mencapai tiga kesimpulan utama yang akan mengukuhkan profesionalisme mufti dan ahli Lembaga Fatwa Negeri: seorang mufti dan ahli jawatankuasa fatwa harus berpendidikan tinggi, bertauliah syariah, dan mempunyai pengalaman akademik.

## 1. Berpendidikan Tinggi

Mufti mesti memiliki kelayakan yang baik untuk melaksanakan tugas penting ini dengan jayanya kerana mufti telah diberi mandat yang besar untuk mendidik umat Islam tentang syariat Islam. Ini disebabkan oleh fakta bahawa orang yang mempunyai ijazah tertinggi mempunyai kemahiran penyelidikan yang kukuh, terutamanya apabila ia datang untuk menyelesaikan masalah Syariah semasa. Selain mengambil seorang mufti yang berpendidikan tinggi, jabatan mufti juga perlu mengambil penyelidik yang berkelayakan dengan sekurang-kurangnya ijazah sarjana dan pengalaman penyelidikan terdahulu untuk menjalankan pengajian bagi pihak mufti (Abdul Halim et al., 2018).

Berdasarkan gambar rajah di bawah, Sahibul Fadhilah Dr. Kamilin Jamilin @ Ahmad Kamil Bin Jamilin merupakan salah seorang daripada 11 ahli jawatankuasa fatwa yang memiliki kelulusan pengajian di peringkat doktor falsafah (PhD).

**Rajah 1: Kelulusan Tertinggi Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis 2021**




Sumber: Kajian ini (2021)

## 2. Berkelulusan Syariah

Mufti diperlukan untuk menjelaskan hukum kepada masalah-masalah baru yang timbul yang bukan keputusan hukum daripada rujukan terdahulu dengan melakukan ijtihad dan istinbat iaitu proses mengeluarkan undang-undang, di samping membaca hukum-hakam sedia ada yang termaktub di dalam al-Quran, sebagai -Kitab Sunnah, Ijma', dan fiqh mazhab terdahulu (al-Bakri, 2008, al-Zuhaily, 2018). Oleh itu, pengetahuan tentang undang-undang Islam khususnya Syariah adalah perlu untuk menjalankan tugas seorang mufti (Abdul Rahim et al. 2009; Rosele et al., 2013, Buang, 2016).

Sementara itu, pemilihan ahli-ahli jawatankuasa fatwa negeri pula yang akan bekerjasama membantu mufti untuk menghasilkan fatwa-fatwa terhadap isu-isu semasa yang memerlukan ijtihad baru bagi pengeluaran hukum memerlukan kelulusan pengajian yang tinggi dengan pengkhususan yang pelbagai seperti syariah, aqidah, hadith, tafsir, dakwah dan sebagainya. Berdasarkan gambar rajah di bawah, Dr. Kamilin Jamilin @ Ahmad Kamil Bin Jamilin merupakan salah seorang daripada 4 ahli jawatankuasa fatwa yang memiliki kelulusan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Hadith.

**Rajah 2: Pengkhususan Ijazah Doktor Falsafah Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis 2021**




Sumber: Kajian ini (2021)

### 3. Latar Belakang Ahli Akademik

Untuk mendapat manfaat daripada kapasiti intelek mereka dan kepakaran penyelidikan yang ketara, adalah perlu untuk menetapkan mufti yang mempunyai latar belakang akademik (Abdul Rahim et al., 2009). Selain itu, kebanyakan ahli akademik agak berfikiran terbuka apabila berhadapan dengan Pendekatan penyelesaian masalah yang menyeluruh digunakan hasil daripada pelbagai perspektif yang dipegang oleh ahli akademik (Abdul Rahim et al., 2009). Walaupun mazhab Syafie mesti menjadi asas kepada mana-mana sudut pandangan apabila mengeluarkan fatwa di bawah undang-undang pentadbiran Islam, terdapat kelonggaran jika mazhab lain mempunyai pandangan yang lebih berkesan untuk kepentingan umum.

Berdasarkan gambar rajah dibawah, salah seorang daripada 6 ahli JawatanKuasa Fatwa Negeri Perlis 2021 dilantik ke jawatan Professor Madya, iaitu Dr. Kamilin Jamilin @ Ahmad Kamil Bin Jamilin.

**Rajah 3: Jawatan Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis 2021 Dalam Bidang Akademik**



Sumber: Kajian ini (2021).

### Impak & Sumbangan Doktor Kamilin Jamilin Dalam Media Sosial

Media sosial merupakan sejenis media yang digunakan terus secara atas talian dengan menggunakan aplikasi seperti Facebook, Twitter, Youtube, Tik-Tok dan sebagainya. Berkembangnya era digital pada masa kini dengan lebih pesat seiringnya perkembangan dakwah melalui pelbagai platform. Berdakwah dengan menggunakan media sosial merupakan inisiatif yang amat berkesan dan memberi implikasi positif. Antara individu yang tidak ketinggalan dalam menyampaikan dakwah melalui media sosial ialah Dr. Kamilin Jamilin yang mana beliau sangatlah dikenali dalam bidang Al-Quran dan Hadith. Hal ini telah memberi kesan yang amat besar kepada masyarakat Islam masa kini hasil daripada sumbangan dakwah Dr. Kamilin Jamilin samada sumbangan berbentuk penulisan mahupun secara lisan.



- Facebook



**Gambar 1**



**Gambar 2**

Aplikasi Facebook (Rujuk gambar 1 dan 2) merupakan salah satu aplikasi yang sering digunakan oleh Dr. Kamilin Jamilin dalam menyampaikan dakwah beliau umumnya dalam berbentuk penulisan. Antara penyampaian yang sering dilakukan oleh Dr. Kamilin Jamilin secara mingguan ialah Kuliah Mingguan Tadabbur Surah Al-Baqarah secara langsung melalui penstriman aplikasi Facebook. Kuliah tersebut diadakan secara berkala iaitu setiap minggu dan terbuka kepada semua golongan samada para pendidik mahupun para pelajar. Kuliah tersebut akan membicarakan atau mentadabbur Surah Al-Baqarah secara details dari segi makna ayat, sebab-sebab penurunan, pengajaran dan akan diakhiri dengan sesi soal jawab.



**Gambar 3**



**Gambar 4**

Selain daripada penyampaian dakwah Dr. Kamilin Jamilin melalui Facebook (Rujuk gambar 3 dan 4), antara penyampaian yang sering menjadi tumpuan ialah sesi kuliah bersama organisasi pertubuhan yang dikenali Glokal Ihsan. Beliau sentiasa mengadakan sesi perkongsian ilmiah secara atas talian seiring sebagai amanah dan tanggungjawab sebagai penasihat kepada pertubuhan Glokal Ihsan.

• **Tiktok**




**Gambar 6**

**Gambar 7**

Di samping itu juga, antara aplikasi yang menjadi kegemaran anak-anak muda masa kini iaitu aplikasi Tik-Tok (Rujuk gambar 6 dan 7) turut menjadi pilihan utama Dr. Kamilin Jamilin menjadikan sebagai medium dalam menyebarkan dakwah beliau secara lebih menarik. Kebanyakan video yang dimuat naik di akaun Tik-Tok peribadi beliau adalah berkaitan dengan isu semasa. Antara isu yang berkaitan ialah, “Hukum Gerakkan Tabung Masa Khutbah Jumaat”, “Hukum Wanita Dalam Idah Keluar Mengundi dan banyak lagi isu-isu yang menarik. Tambahan pula, antara kandungan yang dimuat naik di akaun Facebook peribadi beliau juga turut dihubungkan kepada akaun Tik-Tok beliau dengan melalui pautan yang telah beliau paparkan di kedua-dua aplikas tersebut.

• **Instagram**



**Gambar 8**

**Gambar 9**

Aplikasi Instagram juga (Rujuk gambar 8 dan 9) turut tidak ketinggalan dalam menjadi pilihan bagi Dr. Kamilin Jamilin sebagai medium menyebarkan dakwah beliau. Akan tetapi, perkara yang dimuat naik oleh beliau melalui akaun Instagram peribadi beliau lebih memfokuskan kepada gaya hidup beliau. Hal ini akan lebih menarik minat para pengikutnya untuk mengenal lebih mendalam mengenai selok belok serta keadaan semasa beliau.

- **YouTube**



**Gambar 10**



**Gambar 11**

Di samping itu juga, penyampaian dakwah Dr. Kamilin Jamilin juga sering dipertontonkan melalui aplikasi YouTube (Rujuk gambar 10 dan 11). Terdapat banyak akaun daripada pengguna YouTube memuat naik hal pembelajaran serta perkongsian ke dalam akaun masing-masing bertujuan untuk memudahkan para pengguna untuk dijadikan sebagai rujukan. Antara akaun sering mempostingkan mengenai Dr. Kamilin Jamilin ialah Sinar Kuliah dan PROMediaTAJDID.

### **Impak Dakwah Dr. Kamilin Jamilin Melalui Media Sosial**



Dari perspektif Islam, dakwah boleh dilakukan mengikut pembudayaan setempat selagi tidak bertentangan dengan agama. Islam sendiri menyuruh umatnya supaya menyeru kepada agama Allah dengan penuh berhikmah dan dengan memberikan tunjuk ajar yang baik, Namun begitu, langit tidak selalunya cerah bagi para pendakwah dalam menyampaikan lisan mereka demi menjaga agama Allah. Terdapat juga cabaran yang amat berat bagi Dr. Kamilin Jamilin dalam jalan dakwah beliau sehingga dilontarkan pelbagai fitnah dan cacian terhadap beliau oleh golongan yang tidak bertanggungjawab. Akan tetapi, perkara sebegini tidak sama sekali mematahkan semangat Dr. Kamilin Jamilin dalam melaksanakan tugas beliau menyampaikan dakwah kepada kita hari ini. Sesuai dengan peribahasa “Akan ada pelangi selepas hujan, akan ada senyuman setelah tangisan, aka nada kekuatan setelah diberi ujian” begitulah jalan liku yang dihadapi dalam bidang dakwah ini, memerlukan tahap kesabaran yang amat tinggi dan mengikhlaskan niat hanya semata-mata kerana Allah S.W.T.

## Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, dapat kita sedari bahawa kehidupan seharian manusia pada masa kini beralih kearah sistem pendigitalan sama ada melibatkan bidang sosial, kesihatan, pendidikan termasuk juga bidang keagamaan. Namun, sesuai dengan peredaran zaman masa kini dapat kita perhatikan bahawa media menjadi nadi kepada maklumat, kejayaan sesuatu usaha dalam masyarakat bergantung kepada usaha sejauh mana mereka menguasai medium pada zamannya. Hal ini berkait rapat dengan tokoh dakwah yang amat dikenali iaitu Dr. Kamilin Jamilin yang mana beliau juga tidak tertinggal dalam mengikuti peredaran zaman dengan menjadikan sistem pendigitalan sebagai alternatif dalam menyampaikan dakwah.

## Rujukan

- Akademi Al-Khayr. *Sejarah Penubuhan*. Akademi Al-Khayr  
<https://www.akademialkhayr.com> (Diakses pada 20 Disember 2022)
- Fadzli Adam, Ab Hamid Ali, Marhana Mohamed Anuar, Engku Mohamed Tajuddin (2018).  
*Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari: "Cabaran Media Baru Sebagai Medium Pembelajaran Agama dan Penyelesaiannya Dari Perspektif Islam"* (Diakses pada 21 Disember 2022)
- Kamarudin, M. A., Kamal, M., Syakir, M., & Safar, J. (2019). Media Sosial dan Dakwah Menurut Islam. In *Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Sains Teknologi dan Manusia*.
- Majid, M. N. A., Isa, A. S. M., Fathie, N. H. B. A., & Hassan. (2022). Dakwah Melalui Penggunaan Media Sosial: Peluang Atau Cabaran?. *KUIS: Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-7 (PASAK 7 2022) – Dalam Talian*
- Noradilah Binti Abdul Wahab. (2020) "*Media Sosial Sebagai Medium Dakwah Masa Kini*" (*Social Media As A Medium Dakwah Nowadays*). (Diakses pada 22 Disember 2022)
- Radziah Rudzi, Cabaran Era Ledakan Teknologi Komunikasi Maklumat  
<https://www.academia.edu>. (Diakses pada 21 Disember 2022)
- Rosidi, M. H., Mokhtar, A. W., & Majid, M. N. A. (2021). Profesionalisme Mufti Dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri: Analisis Terhadap Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis, Pahang Dan Terengganu. *Journal of Fatwa Management and Research*, 71-98.
- The News Bulletin of Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) (2018). "*Keberkatan doa ibu adalah kekuatan saya*". Pusat Komunikasi Strategik (StraComm). Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) <https://www.usim.edu.my/ms/berita/faces-of-usim-ms/keberkatan-doa-ibu-adalah-kekuatan-saya-dr-ahmad-kamil-jamilin/> (Diakses pada 20 Disember 2022)
- Zulkipli, S. N., Anas, N., Suliaman, I., Ramlan, A. N. M., & Ahmat, A. C. (2021). Preservation of Hadis in the Era of Industrial Revolution 4.0 (IR 4.0): Issues and Challenges: Pemeliharaan Hadis Dalam Era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0): Isu dan Cabaran. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 7(2), 95-106.